

28/01/2014 - Majlis Penyampaian Hadiah PEMUDAH Challenge: Back To School 2

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

YBhg. Dato' Saw Choo Boon,
Pengerusi Bersama PEMUDAH;

Ahli-ahli Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH),

Guru-guru yang dihormati;

Yang diraikan, anak-anak murid kita, para pemenang *PEMUDAH Challenge: Back to School*;
dan

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian.

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah s.w.t. di atas limpah kurnia dan keizinanNya jua, sekali lagi kita dapat bersama-sama pada hari ini sempena Majlis Penyampaian Hadiah kepada Pemenang *PEMUDAH Challenge: Back to School*.
2. Majlis ini diadakan untuk memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada para pelajar kita, pemenang *PEMUDAH Challenge: Back to School* yang berjaya mencetuskan idea-idea kreatif yang signifikan, serta memberi impak yang besar kepada suasana persekolahan, khususnya di peringkat sekolah rendah.

LATAR BELAKANG PEMUDAH CHALLENGE

3. *PEMUDAH Challenge: Back to School* adalah kesinambungan daripada *PEMUDAH Challenge* yang diperkenalkan pada tahun 2010 di kalangan penjawat awam, dan seterusnya diperluaskan kepada masyarakat umum pada tahun 2011. Program ini telah mendapat sambutan yang sangat menggalakkan, yang mana:
 - sebanyak **1,105 penyertaan telah diterima untuk PEMUDAH Challenge Musim Pertama** pada tahun 2010, dan **67 idea telah terpilih ke peringkat akhir**; dan
 - sebanyak **3,946 penyertaan telah melalui peringkat saringan untuk PEMUDAH Challenge Musim Kedua** pada tahun 2011, dan **57 idea telah dipilih sebagai pemenang**.

Idea-idea ini telah dihantar ke Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan yang terlibat untuk **diambil tindakan pelaksanaan**.

4. Memandangkan idea-idea yang telah dikemukakan melalui *PEMUDAH Challenge* telah membawa impak positif kepada proses penyampaian Kerajaan, program ini telah **diperluaskan kepada pelajar-pelajar sekolah** yang merupakan bakal pemimpin negara masa hadapan. Program ini berhasrat untuk **mengetengahkan barisan pelapis ini dan menggalakkan mereka untuk berani bersuara menyalurkan pandangan** demi menambahbaik penyampaian perkhidmatan Kerajaan. Bak kata pepatah, **melentur buluh biar dari rebungunya**. Pada hari ini, idea-idea yang diutarakan hanya berkaitan dengan sekolah, tetapi saya yakin peluang ini akan menyemarak dan menggalakkan lagi budaya berfikir di kalangan para pelajar.

IDEA BERNAS DAN INOVATIF PEMUDAH CHALLENGE: BACK TO SCHOOL

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

5. *PEMUDAH Challenge: Back to School* musim pertama pada tahun 2012 telah menerima 198 penyertaan. Daripada jumlah ini, sebanyak 24 idea bernas telah terpilih sebagai pemenang.

6. Pada musim kedua ini, jumlah penyertaan telah meningkat kepada 819 idea yang diterima daripada **pelajar-pelajar Tahun 6 dari sekolah-sekolah di sekitar Kuala Lumpur dan Putrajaya**. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **25 idea telah dipilih sebagai pemenang**, setelah melalui tiga peringkat saringan iaitu peringkat guru-guru, peringkat Kementerian Pelajaran dan peringkat PEMUDAH.

7. Saya amat tertarik dengan idea-idea para pelajar pada kali ini, yang bukan sahaja kreatif dan inovatif tetapi amat prihatin kepada persekitaran dan kesihatan. Di antara idea-idea yang terpilih adalah:
 - i. Mengadakan **laman web sekolah yang mempunyai “tutor on-line”** bagi memudahkan murid belajar secara “on-line” dengan guru subjek walau di mana mereka berada;

 - ii. Menyediakan **pembelajaran secara “e-Book”** agar murid-murid tidak merasa bosan belajar di dalam kelas;

 - iii. **Belajar dengan menggunakan komputer riba atau iPad;**

 - iv. **Memanggil bekas pelajar (alumni) yang cemerlang dalam pelajaran untuk membantu membimbing murid-murid yang lemah** ataupun bakal menduduki peperiksaan UPSR;

 - v. **Mengurangkan penjualan makanan ringan** supaya murid dapat makan makanan yang seimbang dan memperkenalkan menu 1Malaysia kepada murid-murid; dan

 - vi. **Memasang CCTV** di semua bahagian sekolah supaya dapat mengawasi murid-murid daripada melakukan perkara yang tidak berfaedah.

PENUTUP

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

8. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada pelajar-pelajar di atas sumbangan idea-idea yang bernas dan berkesan. Tidak dilupakan juga ucapan terima kasih kepada guru-guru di atas jasa membimbing pelajar-pelajar ini.

9. PEMUDAH, dengan kerjasama Kementerian dan Jabatan Pelajaran, akan berusaha memastikan agar idea-idea yang berjaya ini dilaksanakan di sekolah-sekolah. Pada masa yang sama, saya berharap pihak Kementerian dan Jabatan Pelajaran akan meneruskan program *PEMUDAH Challenge: Back to School* ini dengan meluaskan penyertaan ke sekolah-sekolah lain.

10. Besar harapan saya juga agar semua pemenang pada hari ini akan membudayakan pemikiran yang inovatif dan kreatif, sentiasa peka dan berani bersuara, dan terus menyumbang idea-idea bernas bagi memantapkan lagi sistem pembelajaran negara kita.

11. Akhir kata, syabas sekali lagi dan selamat maju jaya.

Sekian. *Wabillahittaufik walhidayah,*

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.